

Penjual tamak tak hirau kebajikan pengguna

PERKARA yang ditakuti orang ramai ialah tindakan sesetengah peniaga yang mementingkan diri sendiri dengan menaikkan harga barang pada kadar yang tidak munasabah atas alasan kenaikan harga bahan mentah.

Kenaikan 15 sen harga sekilo tepung tidak boleh membawa kenaikan 10 sen kepada harga roti canai, kecuali jika berat roti canai berkenaan

juga sekilogram.

Alasan minyak masak naik, petroleum naik dan tepung naik tidak boleh diterima kerana kerajaan meletakkan harga kawalan bagi bahan dan barang berkenaan.

Jika harga barang terus naik pekerja akan terus meminta kenaikan gaji dan ia membawa kepada fenomena ekonomi yang dipanggil inflasi *demand pull* iaitu kenaikan gaji

membawa kenaikan harga barang.

Usaha menaikkan gaji ini juga perlu dilaksanakan oleh majikan swasta kerana kos sara hidup di bandar semakin meningkat.

**MOHAMMAD
NOORIZZUDDIN NOOH,**
*Fakulti Ekonomi dan Muamalat
Universiti Sains Islam Malaysia.*